

BAB 9

DEKOLONISASI

Burhan Che Daud

HASIL PEMBELAJARAN

- Menjelaskan definisi, konsep dan sejarah kemunculan serta perkembangan dekolonialisasi.
- Menghuraikan faktor-faktor utama yang menyebabkan kemunculan dan perkembangan dekolonialisasi.
- Menjelaskan impak dekolonialisasi dalam pelbagai bidang kehidupan manusia termasuk politik, ekonomi, sosial dan pendidikan.
- Menghubungkaitkan dekolonialisasi dengan bidang pengajian para pelajar khasnya bidang pengkhususan masing-masing.

PENDAHULUAN

Bab yang lalu telah membincarakan mengenai hubung kait antara epistemologi dan isu-isu semasa. Perbincangan dalam bab ini pula akan menjelaskan tentang dekolonialisasi merangkumi definisi dan konsep, sejarah dan faktor-faktor kemunculan dan perkembangan dekolonialisasi, dan impak dekolonialisasi dalam pelbagai bidang kehidupan manusia. Pada akhir bab ini, para pelajar dijangka mampu menganalisis hubung kait dekolonialisasi dengan bidang pengajian pengkhususan pelajar.

DEFINISI ISTILAH

Dari sudut bahasa, istilah dekolonialisasi amat berkait rapat dengan istilah koloni dan kolonisasi. Koloni bererti tanah jajahan manakala kolonisasi bermaksud proses menjadikan sesuatu wilayah sebagai koloni (penjajahan). Dekolonisasi pula bererti proses membebaskan sesuatu wilayah daripada kuasa penjajah (penyajajahan).

Dari sudut istilah, kolonisasi bermaksud suatu proses atau keadaan iaitu sistem kuasa berpusat mendominasi tanah jajahan baharu yang berada di kawasan sekitarnya. Keadaan ini menyebabkan subjek dominasi tersebut tertakluk kepada kuasa penjajah dalam pelbagai aspek seperti fizikal, material, sosioekonomi, politik, pemikiran dan intelektual. Manakala istilah dekolonialisasi adalah bersifat derivatif kepada istilah kolonisasii. Ia membawa maksud keadaan atau proses pembebasan daripada cengkaman kuasa penjajah dari sudut fizikal, material, politik, ekonomi, budaya, pemikiran dan intelektual. Terdapat beberapa definisi lain mengenai dekolonialisasi yang dikemukakan dalam wacana ini. Antaranya:

1. Dekolonisasi bermaksud pengunduran kuasa penjajah dari tanah jajahan dan pemerolehan pembebasan dan kemerdekaan politik dan ekonomi oleh penduduk di tanah jajahan (Dane Kennedy, 2016).
2. Dekolonisasi merujuk kepada suatu proses iaitu kuasa penjajah menyerahkan dominasi institusi dan perundangan

di tanah jajahan mereka kepada penduduk asal yang menjadi pemerintah negara bangsa secara rasmi (Prasenjit Duara, 2004).

3. Dekolonisasi yang dahulu difahami sebagai proses penyerahan instrumen kerajaan secara rasmi kepada penduduk asal, kini dimaksudkan sebagai suatu proses jangka panjang yang melibatkan pelupusan kuasa penjajah dalam aspek birokrasi, budaya, bahasa dan psikologi (Linda Tuhiwai Smith, 2008).

Beberapa orang sarjana pemikir Muslim seperti Albert Hourani (1915-1993), Syed Hussein Alatas (1928-2007), Ali Shariati (1933-1977) dan Edward Said (1935-2003) juga membahaskan istilah dekolonisasi dalam kerangka tradisi dan kemodenan yang dihubungkan dengan beberapa konsep lain seperti orientalisme, penjajahan intelektual (*intellectual imperialism*), intelektual tanpa rumah (*homeless intellectual*) dan minda tertawan (*captive mind*). Fokus utama wacana mereka adalah mempromosikan dekolonisasi intelektual (*intellectual decolonization*) daripada segala pakej intelektual yang diimport daripada Barat. (Esmaeil Zeiny, 2018)

Berdasarkan definisi istilah yang dinyatakan, dekolonisasi boleh dirumuskan sebagai suatu perubahan dalam kondisi masyarakat daripada berada di bawah taklukan kuasa penjajahan kepada pemerolehan kembali legitimasi ke atas tanah air, kemerdekaan ekonomi, politik dan sosiobudaya serta pembebasan pemikiran dan intelektual daripada impak kolonisasi.

SEJARAH KEMUNCULAN DAN PERKEMBANGAN DEKOLONISASI

Istilah dekolonisasi mula diperkenalkan pada awal kurun ke-19 oleh seorang wartawan Perancis yang menyuarakan penentangan beliau terhadap penjajahan Perancis ke atas Algeria. Kemudian, seorang saintis sosial berbangsa Yahudi dari Jerman, Moritz Julius Bonn (1873-1965) yang terselamat daripada kezaliman puak Nazi dan mlarikan

diri ke England, mempopularkan istilah ini sekitar tahun 1930-an. Kemudian penggunaan istilah ini hilang daripada kamus politik antarabangsa. Selepas Perang Dunia Kedua khasnya selepas tahun 1960, istilah ini digunakan secara meluas di peringkat antarabangsa (Dane Kennedy, 2016). Menurut Dane Kennedy (2016), kemunculan dan perkembangan dekolonisasi boleh dibahagikan kepada tiga gelombang utama iaitu:

1. Dekolonisasi Dunia Baharu (*New World Decolonization*)

Gelombang ini bermula di Amerika pada tahun 1776 dengan tercetusnya penentangan penduduk Amerika Utara terhadap penjajahan British. Kesannya berhasil dengan pembentukan negara Amerika Syarikat pada 4 Julai 1776 melalui Deklarasi Kemerdekaan oleh 13 koloni British. Ini diikuti dengan Pemberontakan Hamba pada tahun 1791 di Saint-Domingue, tanah jajahan Perancis yang menatijahkan pembentukan Haiti sebagai sebuah negara yang bebas dan merdeka pada 1 Januari 1804. Gelombang ini juga menyaksikan siri-siri perjuangan kemerdekaan melalui peperangan melawan penjajah Sepanyol dan Portugal. Tanah jajahan Portugal paling besar di benua Amerika Selatan adalah Brazil (dikenali sebagai Empayar Brazil) yang mencapai kemerdekaan pada 7 September 1822.

2. Dekolonisasi Dunia Lama (*Old World Decolonization*)

Gelombang kedua ini tercetus dengan berlakunya Perang Dunia Pertama pada 28 Julai 1914 sehingga ia berakhir pada 11 November 1918. Empayar pertama yang runtuh adalah Rusia pada tahun 1917. Kejatuhan Empayar Tsar ini membuka jalan kepada Revolusi Bolshevik yang akhirnya berjaya membentuk entiti baharu Union of Soviet Socialist Republics (USSR) pada 29 Disember 1922. Periode ini juga menyaksikan kejatuhan Empayar Turki Uthmaniah pada tahun 1922 yang menatijahkan wilayah takluknya diisytiharkan sebagai negara merdeka seperti Romania dan Bulgaria.

3. Dekolonisasi Dunia Ketiga (*Third World Decolonization*)

Gelombang ketiga pula muncul pada pertengahan tahun 1940-an sejurus selepas berakhirnya Perang Dunia Kedua. Gelombang ini terdiri daripada empat fasa utama. Fasa pertama ditandai dengan kemerdekaan tanah jajahan British seperti India, Pakistan, Sri Lanka dan Burma di Asia Selatan dan Filipina di Asia Tenggara. Manakala di Timur Tengah Palestin, Syria, Lubnan dan Jordan memperoleh kemerdekaan daripada penjajah British dan Perancis. Fasa Kedua pula bermula pada awal 1950-an dan berakhir pada 1960-an. Pada era tersebut, penjajahan kuasa Eropah telah berakhir secara total di Asia (kecuali Hong Kong), Afrika Utara dan sebahagian besar kepulauan Caribbean.

Fasa ketiga berlaku pada dekad 1970-an melalui kejatuhan kuasa kolonial Portugal di Afrika dan Timor Timur (Timor Leste). Fasa terakhir yang berlaku dalam gelombang ketiga ini adalah kejatuhan blok komunis Kesatuan Soviet pada tahun 1990 yang menyaksikan munculnya Orde Baharu Dunia (*New World Order*) yang berbeza sama sekali dengan dekad-dekad kolonisasi dan imperialisasi sebelum ini.

Setelah periode penjajahan berakhir secara fizikal dengan terbentuknya negara bangsa (*nation state*) baharu yang bernaung di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), pemikiran dan kajian pascakolonial (*postcolonial studies*) mula muncul secara tersusun khasnya selepas berakhirnya Perang Dingin dan globalisasi ekonomi pada dekad 1990-an. Pemikiran dan kajian pascakolonial ini mengangkat idea bahawa dominasi epistemologi dan pemikiran Barat harus dicabar melalui wacana ilmiah hasil daripada pengalaman luas masyarakat tempatan semasa berada di era penjajahan. Usaha ini antaranya telah dikemukakan lebih awal oleh Mohandas Gandhi dan Rabindranath Tagore yang mengkritik tamadun Barat sebagai terlalu materialistik (*excessively materialistic*) dan Gandhi mengungkapkannya sebagai suatu bentuk ‘penyakit’ dalam karya beliau *Hind Swaraj* pada tahun 1909.

Manakala seorang penulis dari Kenya, Ngugi wa Thiong'o menyeru masyarakat tempatan menolak budaya dan nilai barat melalui karya beliau *Decolonising the Mind* pada tahun 1981. Beliau berhujah bahawa pembebasan psikologi masyarakat tempatan bergantung sepenuhnya kepada penolakan mereka terhadap apa sahaja yang dianggap superior daripada Barat (Dane Kennedy, 2016).

FAKTOR-FAKTOR KEMUNCULAN DEKOLONISASI

Kemunculan dan perkembangan dekolonisasi selepas berakhirnya Perang Dunia Kedua pada tahun 1942 boleh dihubungkan dengan beberapa faktor utama seperti berikut:

1. Perang Dunia Kedua di peringkat global di antara empayar dan kuasa besar dunia menjadi pencetus utama dekolonisasii. Kuasa penjajah Eropah yang tewas seperti British dan Perancis tidak lagi mempunyai kekayaan bagi membiayai aktiviti ekonomi dan politik di tanah jajahan mereka.
2. Amerika Syarikat dan Soviet Union yang merupakan kuasa besar baharu selepas Perang Dunia Kedua menentang idea kolonialisme Eropah. Ini membuka ruang yang luas kepada negara-negara di Dunia Ketiga khasnya untuk membangun dengan acuan sendiri. Sebagai contoh, di Afrika wujud kelompok kecil pemimpin yang mendapat pendidikan di Amerika Syarikat mula berperanan dalam masyarakat ke arah dekolonisasii Afrika secara tersusun.
3. Di peringkat lokal, mobilisasi gerakan pembebasan dan kemerdekaan yang muncul di wilayah jajahan kuasa besar tidak dapat dibendung lagi. Gerakan antikolonial dan haluan kiri mempercepatkan proses dekolonisasii daripada dominasi kuasa penjajah. Dekolonisasii fizikal berlaku dalam dua bentuk; perjuangan kekerasan dan perjuangan di meja rundingan.

DAMPAK DEKOLONISASI KEPADA KEHIDUPAN

Dekolonisasi bukan sahaja telah membawa perubahan besar dalam sejarah dunia dari sudut geopolitik dan ekonomi, malah dampak dekolonisasi dapat dilihat dalam segenap aspek kehidupan manusia pada zaman moden ini. Dampak dekolonisasi kepada kehidupan dapat dilihat dalam perspektif berikut:

1. Sistem politik dan ekonomi

Sistem politik demokrasi muncul menggantikan sistem empayar dan monarki. Demokrasi datang dengan pakej kebebasan bersuara, kebebasan memilih, sistem pilihan raya, hak asasi manusia dan sebagainya. Manakala sistem ekonomi kapitalis dan perdagangan terbuka menjadi anutan kebanyakan negara membangun di Dunia Ketiga bagi memacu perkembangan ekonomi di peringkat lokal dan global.

2. Sistem sosial

Dekolonisasi berjaya merubah wajah masyarakat daripada berpusatkan Barat (*eurocentric*) kepada berpusatkan nilai masyarakat setempat (*local value-based centric*). Natijah dapat dilihat melalui perkembangan sosiobudaya masyarakat tempatan yang mempunyai kerangka tersendiri dan mengangkat tradisi serta norma tempatan yang jauh bertentangan dengan nilai serta budaya kolonisasi. Rakyat menjadi pihak berkepentingan utama (*main stakeholder*) dalam sistem sosial pascakolonial dan pembangunan sosial dijadikan agenda utama pembangunan negara.

3. Sistem pendidikan

Bidang yang paling terkesan dengan kolonisasi adalah sistem pendidikan. Walaupun dekolonisasi telah berlaku hampir enam dekad yang lalu, namun sistem pendidikan di kebanyakan negara di dunia masih lagi berkiblatkan kerangka dan paradigma Barat. Pelbagai bentuk gerakan intelektual

telah dan sedang diperjuangkan bagi mengembalikan sistem pendidikan ke landasan yang sebenar berpaksikan epistemologi bertuhan melalui pendekatan islamisasi ilmu dan integrasi ilmu. Kesedaran dalam kalangan masyarakat semakin meningkat kesan pakej sistem pendidikan acuan Barat yang bukan melahirkan insan bahkan menghasilkan manusia tanpa roh untuk tujuan aktiviti ekonomi kapitalis global. Cabaran dekolonialisasi sistem pendidikan merupakan agenda jangka panjang yang perlu disusun secara kolektif, bersepada dan terancang.

DEKOLONISASI PEMIKIRAN DAN INTELEKTUAL

Menyedari bahawa kolonisasi bukan sahaja mempengaruhi aspek fizikal, bahkan dengan pakej lengkap (pemikiran, budaya, nilai dan tatasusila tempatan), maka proses dekolonisasi juga seharusnya berlaku secara holistik dan komprehensif. Dalam konteks ini, golongan intelektual yang mempunyai pemikiran berasaskan pandangan alam yang sahih harus berperanan dengan aktif, responsif dan meluas dalam usaha dekolonisasi pemikiran dan intelektual masyarakat.

Di antara pendekatan berkesan yang boleh dilaksanakan sebagaimana disarankan oleh Ali Shariati dan Syed Hussein Alatas adalah melalui penajaran semula kaedah berfikir berdasarkan ilmu falsafah yang benar. Berdasarkan keperluan ini, para pelajar didedahkan kepada kursus Falsafah dan Isu Semasa bagi memberi gambaran menyeluruh dampak pemikiran falsafah Barat kepada pemikiran dan intelektual masyarakat Timur. Sebagai contoh, dalam bidang pengajian pengkhususan masing-masing, para pelajar kebiasaannya membuat kajian dan eksperimen berpaksikan teori dan konsep pemikiran ahli falsafah Barat seperti Roger Bacon dan Rene Descartes. Secara tidak sedar, para pelajar dipasak dengan nilai-nilai dan pemikiran saintifik Barat. Sekiranya pelajar tidak mempunyai kemahiran pemikiran falsafah seperti radikal, kritikal dan analitikal, maka nilai dan budaya tersebut dianggap normal dan boleh diterima.

Dekolonisasi pemikiran dan intelektual hanya akan berlaku jika kemahiran berfikir secara falsafah dibentuk, dibina dan dipergiatkan dan diperjuangkan dalam kalangan komuniti akademik termasuk para pelajar dan ahli akademik khasnya di institusi pengajian tinggi.

PENUTUP

Bab ini menjelaskan kepada para pelajar tentang dekolonisasi dan impaknya terhadap kehidupan manusia khasnya dalam aspek kerangka pemikiran dan paradigma intelektual. Pemahaman bab ini amat penting dalam melahirkan pelajar yang mempunyai asas pemikiran falsafah yang tepat melalui analisis pensejarahan yang kritikal. Asas pemikiran falsafah yang tepat dibantu dengan kaedah berfikir yang murni dan suluhan cahaya ketuhanan akan mampu membuka jendela intelektual yang kritis, analitikal dan responsif dalam mencari serta mempertahankan kebenaran.

LATIHAN

1. Apakah maksud kolonialisasi dan dekolonialisasi?
2. Bincangkan sejarah kemunculan dan perkembangan dekolonialisasi.
3. Huraikan faktor-faktor utama yang mendorong kemunculan dekolonialisasi.
4. Bincangkan tiga dampak dekolonialisasi kepada kehidupan masyarakat.
5. Sejauh manakah dekolonialisasi mempengaruhi perkembangan ilmu dalam bidang pengkhususan anda?

RUJUKAN

- Al-Attas, S.M.N. (1993). *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- Dane Kennedy (2016). *Decolonization: A Very Short Introduction*. Oxford: Oxford University Press.
- Dietmar Rothermund (2006) *The Routledge Companion to Decolonization*. London: Routledge.
- Dzulkifli A.R., Decolonising the Paradigm of Sustainable Development Through The Traditional Concept of Sejahtera, dlm Zinaida F., Laima G. & Kiran C. (2018). *Academia and Communities: Engaging for Change*. Tokyo, Japan: UNU-IAS.
- Elizabeth Buettner (2016). *Europe after Empire: Decolonization, Society, and Culture*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Esmaeil Zeiny (2018). Spokesmen of Intellectual Decolonization: Shariati in Dialogue with Alatas, in Dustin J. Byrd & Seyed Javad Miri. 2018. *Ali Shariati and The Future of Social Theory: Religion, Revolution and The Role of the Intellectual*. Leiden: Brill.
- Gennaro Ascione (2016). *Science and the Decolonization of Social Theory: Unthinking Modernity*. London: Palgrave Macmillan.
- James D. Le Seur ed. (2003). *The Decolonization Reader*. London: Routledge.
- Linda Tuhiwai Smith (2007). *Decolonizing Methodologies: Research and Indigenous Peoples*. London & New York: Zed Books Ltd.
- Prasenjit Duara ed. (2004). *Decolonization: Perspectives from Now and Then*. London: Routledge.
- Ron Eyerman & Giuseppe Sciortino (2020). *The Cultural Trauma of Decolonization: Colonial Returnees In The National Imagination*. Switzerland: Palgrave Macmillan.
- Todd Shepard (2015). *Voices of Decolonization: A Brief History with Documents*. Boston: Bedford/St. Martin's.
- Osman Bakar (2007). *Environmental Wisdom for Planet Earth: The Islamic Heritage*. Kuala Lumpur: Center for Civilizational Dialogue, University of Malaya.